

19 NOV 2002

Lee-Keganasan/I

RAKYAT MALAYSIA PERLU LENYAPKAN TANGGAPAN NEGARA INI "TIDAK SELAMAT"

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Semua rakyat Malaysia perlu bekerjasama dengan kerajaan dalam melenyapkan tanggapan tidak berasas bahawa negara ini "tidak selamat" bagi perniagaan dan pelancongan berikutan beberapa kejadian serangan pengganas di seluruh dunia sejak kejadian 11 Sept tahun lepas.

Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia Tan Sri Lee Lam Thye berkata masyarakat Malaysia tidak patut memandang remeh kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa beberapa negara telah meletakkan Malaysia di tempat teratas senarai "ancaman bahaya" untuk dikunjungi.

Dr Mahathir membuat kenyataan itu dalam perutusan Bajet 2003 yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Mohamed Salleh di Dewan negara semalam.

"Jika negara-negara terbabit melakukannya dengan cara mengeluarkan nasihat perjalanan yang negatif, ia akan mendatangkan akibat yang teruk kepada Malaysia daripada segi kemerosotan pelancongan serta aktiviti berkaitan pelancongan lain," kata Lee dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata inilah masanya bagi seluruh rakyat Malaysia untuk menghubungi rakan setugas dan kawan di luar negara untuk menjelaskan bahawa perkara itu adalah tidak benar.

Beliau berkata pihak berkuasa Malaysia sedang berusaha keras untuk memberikan jaminan kepada pelancong asing bahawa negara ini adalah selamat untuk dilawati disebalik laporan tidak berasas dalam beberapa media asing dan nasihat negatif oleh beberapa negara maju agar rakyat mereka tidak mengunjungi negara-negara Asean.

Lee turut memuji laporan berita dalam sebuah akhbar berbahasa Inggeris tempatan baru-baru ini yang memetik pelancong asing sebagai berkata mereka berasa selamat di Malaysia dan tiada apa yang perlu dibimbangkan ketika berada di negara ini.

"Pandangan yang dilahirkan oleh pelancong asing berkenaan akan dapat memaparkan kebenaran dan menyangkal nasihat perjalanan itu bahawa Malaysia khususnya dan rantau ini adalah tidak selamat," katanya.

Beliau berkata adalah tidak adil bagi negara maju tertentu untuk melabelkan beberapa negara tertentu sebagai "tidak selamat" bagi rakyat mereka dan mengklasifikasikan rantau Asia Tenggara sebagai berisiko tinggi.

"Apakah ukuran yang digunakan oleh negara-negara maju berkenaan untuk menentukan negara manakah yang selamat dan yang tidak selamat. Keganasan tidak mengenal sempadan.

"Malahan negara-negara maju juga tidak selamat kerana rakyat mereka turut terdedah kepada bahaya walau di mana mereka berada. Isu utama ialah bagaimana untuk menangani isu keganasan dan tidak mengenal pasti negara mana yang tidak selamat tanpa sebarang bukti," katanya.

-- BERNAMA

SR AZZ RHM